

# Universiti Putra Malaysia cipta bahan proses batik bersifat mesra alam

**KUALA LUMPUR 7 Okt.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta inovasi baharu dalam industri batik dengan menghasilkan bahan pemekat warna yang bersifat mesra alam menggunakan hampas sagu.

Ketua Jabatan Rekabentuk Industri, Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) UPM, Prof. Madya Dr. Nazlina Shaari berkata, selain itu, hampas sagu juga mempunyai potensi bagi menggantikan lilin parafin yang digunakan secara meluas dalam pembuatan batik.

“Industri batik di Malaysia menggunakan lilin parafin dan pemekat sintetik yang mengandungi toksik, bau kimia daripada lilin itu boleh mendatangkan kemudaratan kepada pengusaha batik dalam jangka masa panjang.

“Penggunaan hampas sagu yang menggantikan lilin parafin dan pemekat warna di dalam proses membuat batik adalah lebih selamat untuk pengusaha kerana dihasilkan daripada bahan semula jadi,” katanya dalam sidang akhbar di UPM, Serdang, dekat sini semalam.

Menurut Nazlina, bahan pemekat warna digunakan ketika proses membuat batik cetak manakala lilin



**NAZLINA SHAARI** menunjukkan dakwat daripada hampas sagu dan piala anugerah tahunan bioteknologi dan inovasi dalam sidang akhbar di Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM, Serdang, Kuala Lumpur, semalam.

berfungsi sebagai penghalang warna dalam pembuatan batik lukis.

“Antara kelebihan produk ini adalah bersifat suhu rendah, boleh dibilas dengan air pada suhu nor-

mal dan dapat mengurangkan penggunaan tenaga gas serta kos pengeluaran yang lebih rendah berbanding lilin parafin dan pemekat sintetik yang sedia ada,” jelasnya.